

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN  
PENDIDIKAN  
KOD KURSUS : BBD 30202  
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016 / JANUARI 2017  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : (1)BAHAGIAN A:JAWAB **SEMUA**  
SOALAN PADA KERTAS OMR.  
(2)BAHAGIAN B: JAWAB **SEMUA**  
SOALAN PADA KERTAS SKRIP  
JAWAPAN.  
(3)KERTAS SOALAN INI PERLU  
DIKEMBALIKAN SEMULA  
SELEPAS PEPERIKSAAN.

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LAPAN BELAS (18)** MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi 40 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang betul dan hitamkan jawapan pada kertas yang disediakan.

- S1 Bagi seseorang guru di bilik darjah, aspek pengukuran pendidikan ini sering dikaitkan dengan pencapaian dan kedudukan pelajar. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan pengukuran?
- A Prosedur sistematik bagi mengukur sebahagian aspek tingkah laku murid
  - B Memperuntukkan nombor atau skor markah secara kuantitatif kepada pelajar
  - C Menghasilkan set data maklumat bagi membuat keputusan menyeluruh
  - D Menyediakan kertas soalan-soalan dalam sesuatu ujian
- S2 Penilaian dalam pendidikan merupakan satu proses
- A menguji kebolehan seorang pelajar dalam pembelajaran.
  - B menganalisa kemajuan seorang pelajar di dalam kelas.
  - C sistematik untuk mengukur tingkah laku pelajar melalui ujian di dalam kelas.
  - D menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan untuk membuat pertimbangan.
- S3 Antara berikut yang manakah paling tepat menunjukkan kriteria pertimbangan untuk membina skema pemarkahan soalan esei?
- A Proses, kandungan dan struktur
  - B Kandungan, pengelolaan dan proses
  - C Struktur, penilaian dan jawapan
  - D Pentadbiran, markah dan kandungan

**TERBUKA**

- S4 Berikut merupakan perbezaan antara pemarkahan secara analitik dan pemarkahan secara holistik. Pilih perbezaan yang paling tepat.

	Pemarkahan secara Holistik	Pemarkahan secara Analitik
A	Dipengaruhi kesan halo	Dipengaruhi kesan pemeriksa dan skala
B	Pemarkahan lebih umum	Pemarkahan kurang teliti
C	Mengambil masa yang lama untuk menanda jawapan pelajar	Mengambil masa yang lebih cepat untuk menanda jawapan pelajar
D	Pentafsiran keputusan cenderung untuk pencong ke kiri	Pentafsiran keputusan lebih cenderung untuk normal

- S5 Manakah di antara berikut menerangkan dengan tepat tentang aras sintesis dalam Taksonomi Bloom?

- A Menguji kebolehan calon mengenai fakta, konsep, hukum, teori yang telah dipelajari.
- B Menguji kebolehan calon untuk mencantumkan, menggabung dan mengintegrasikan fakta-fakta atau idea-idea yang berkaitan untuk menjadi idea yang lebih bermakna.
- C Menguji kebolehan calon menggunakan fakta, konsep, teori, prinsip pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- D Menguji kebolehan calon membanding dan menghuraikan faktor-faktor kesamaan, perbezaan, dan perhubungan antara satu sama lain.

- S6 Cikgu Ahmad telah merancang untuk menggunakan soalan latihan yang dibina sendiri untuk menilai penguasaan pelajar dalam topik yang akan diajar dalam kelas nanti. Namun apabila melaksanakan pengajaran, Cikgu Ahmad dapati terdapat sekumpulan pelajar yang memerlukan perhatian yang lebih mengenai topik yang diajar. Berdasarkan situasi tersebut, apakah jenis pendekatan penilaian yang diambil oleh Cikgu Ahmad dalam menangani masalah yang berlaku di dalam kelas?

- A Penilaian formatif terancang
- B Penilaian formatif interaktif
- C Penilaian formatif berterusan
- D Penilaian formatif beretika

**TERBUKA**

Soalan S7 – S9 adalah berdasarkan kepada keputusan analisis item X seperti yang ditunjukkan dalam JADUAL S7.

JADUAL S7 Item X

Opsyen	A	B	C*	D
Kumpulan Pelajar Berpencapaian Tinggi	2	6	12	0
Kumpulan Pelajar Berpencapaian Rendah	7	6	6	1

\*jawapan betul

S7 Berapakah nilai indeks kesukaran bagi item X?

- A 0.25
- B 0.45
- C 0.50
- D 0.80

S8 Berapakah nilai indeks diskriminasi bagi item X?

- A 0.30
- B 0.45
- C 0.60
- D 0.90

S9 Distraktor manakah yang perlu diperbaiki?

- A D sahaja
- B B sahaja
- C A dan B
- D B dan D

TERBUKA

- S10 Sekiranya indeks diskriminasi bagi sesuatu item dalam ujian yang dilaksanakan ialah 0.50. Apakah tafsiran kualiti bagi item tersebut?
- A Mempunyai aras kesukaran yang sesuai
  - B Mempunyai aras pembezaan yang baik
  - C Item terlalu mudah bagi semua calon
  - D Item perlu dibaiki atau dibuang
- S11 Manakah antara berikut paling tepat menunjukkan tujuan utama distraktor bagi opsiyen yang terdapat dalam soalan aneka pilihan?
- A Menarik calon-calon yang lemah
  - B Menarik perhatian calon-calon yang pandai
  - C Menarik calon-calon kepada jawapan yang betul
  - D Membandingkan kebolehan calon yang menjawab soalan
- S12 Anda diberikan satu set data iaitu 50, 55, 70, 68, 75, 75,80, 82. Pilih jawapan yang tepat mengenai data tersebut.
- A Bertaburan normal
  - B Pencong ke kanan
  - C Pencong ke kiri
  - D Median data adalah 71.5
- S13 JADUAL S13 menunjukkan skor yang diperoleh Mariam bagi mata pelajaran sejarah dan matematik. Pilih jawapan yang paling tepat mengenai keputusan ujian Mariam.

JADUAL S13

Matapelajaran	Sejarah	Matematik
Min	60	70
Sisihan piawai	5	10
Skor Mariam	70	70

- A Mariam mempunyai prestasi yang sama dalam Sejarah dan Matematik
- B Prestasi Mariam lebih baik dalam Sejarah berbanding Matematik
- C Prestasi Mariam lebih baik dalam Matematik berbanding Sejarah
- D Markah yang sama menunjukkan prestasi yang sama

- S14 Berapakah had maksimum padanan bagi setiap item padanan yang dibina?
- A Tiga
  - B Lima
  - C Sembilan
  - D Tidak melebihi enam atau lapan
- S15 Nyatakan helah penulisan item bagi isi tempat kosong.
- A Menyediakan tempat kosong
  - B Tidak menyediakan tempat kosong
  - C Menyatakan sedikit penjelasan
  - D Mengelakkan sebarang penjelasan
- S16 “Cikgu Fizah hanya mengambil masa 10 minit untuk menyiapkan empat soalan bagi Ujian Bahasa Melayu 2.” Apakah jenis ujian yang dibina oleh Cikgu Fizah?
- A Ujian esei
  - B Ujian padanan
  - C Ujian betul-salah
  - D Ujian isi tempat kosong.
- S17 Apakah jenis soalan yang sesuai digubal untuk menilai seribu orang pelajar?
- A Padanan
  - B Benar-salah
  - C Jawapan pendek
  - D Aneka Pilihan
- S18 Berikut merupakan ujian objektif jenis item respon bebas, kecuali
- A item perkaitan
  - B item aneka pilihan
  - C item melengkapkan ayat
  - D item jawapan pendek



TERBUKA

Soalan S19 adalah berdasarkan pernyataan dibawah:

- Menukarkan konsep geometri dalam lisan kepada bentuk rajah.
- Menerangkan dengan menggunakan ayat sendiri petikan yang telah dibaca.
- Kebolehan membuat beberapa pengecualian apabila menterjemahkan data.

S19 Manakah antara aras kognitif berikut yang paling tepat menerangkan situasi dalam pernyataan di atas?

- A Penilaian
- B Kefahaman
- C Analisis
- D Sintesis

S20 Apakah aras soalan yang terdapat dalam JADUAL S20 mengikut Taksonomi Bloom?

**JADUAL S20**

Ke manakah Ahmad dan rakannya pergi?  
Di manakah Ahmad dan rakannya berada?  
Ahmad pergi membeli majalah dengan siapa?  
Apakah tujuan Ahmad dan rakannya pergi ke pasar raya?

- A Sintesis
- B Analisis
- C Kefahaman
- D Pengetahuan

S21 Pilih jawapan yang tepat mengenai ciri-ciri penulisan item soalan yang baik.

- A Perlu simpan secara rekod
- B Mengikut kefahaman pelajar
- C Memahami sikap dan personaliti pelajar
- D Memahami psikologi pelajar

**TERBUKA**

- S22 Manakah antara berikut adalah kebaikan utama soalan jenis esei?
- A Kesahan yang tinggi
  - B Nilai diagnostik tinggi
  - C Kebolehpercayaan yang tinggi
  - D Mengukur kemahiran yang kompleks
- S23 Apakah tujuan utama penilaian bilik darjah dari aspek perkembangan dan kemajuan akademik?
- A Menilai prestasi yang ditunjukkan oleh guru semasa tempoh pengajaran dan pembelajaran
  - B Memberikan peluang untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran
  - C Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri
  - D Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan
- S24 Berdasarkan jenis-jenis item yang disenaraikan di bawah, yang manakah paling sesuai digunakan untuk mengukur aspek kognitif tahap tinggi?
- A Esei
  - B Struktur
  - C Aneka pilihan
  - D Jawapan pendek
- S25 Antara berikut merupakan tingkah laku yang mempengaruhi pemeriksa semasa memeriksa skrip jawapan kecuali
- A bias sendiri
  - B kesan halo
  - C ralat piawai
  - D kecenderungan memusat

**TERBUKA**



Jawapan bagi Soalan S26– S30 adalah berdasarkan kepada maklumat dibawah

- A Penilaian Formatif
- B Penilaian Diagnostik
- C Ujian Rujukan Norma
- D Ujian Rujukan Kriteria
- E Ujian Penempatan

S26 Cikgu Aini mengadakan ujian pengesanan untuk mengetahui masalah pembelajaran dalam matapelajaran yang diajarnya.

Jawapan:	
----------	--

S27 Rahim dapat menjawab 90% ujian sains dengan tepat.

Jawapan:	
----------	--

S28 Hampir separuh pelajar dalam kelas 3B gagal ujian matematik berbanding pelajar kelas 3A yang lulus semuanya.

Jawapan:	
----------	--

S29 Cikgu Ramlah sentiasa merangka dan merancang untuk melaksanakan pengajaran dan penilaian dalam kelas untuk mengetahui pencapaian hasil pembelajaran pelajar untuk tujuan penambahbaikan.

Jawapan:	
----------	--

S30 Sekolah Agama Rakyat selalu melaksanakan ujian sebelum mengelaskan pelajar dalam kelas yang sesuai.

Jawapan:	
----------	--

S31 Manakah antara berikut merupakan kesahan yang paling penting dalam semua jenis pentaksiran yang dijalankan?

- A Kesahan serentak
- B Kesahan isi
- C Kesahan kriteria
- D Kesahan gagasan

**TERBUKA**

Untuk soalan S32 – S35 anda dikehendaki memilih jawapan seperti yang terdapat di dalam jadual dibawah:

	I	II
A.	Betul	Betul
B.	Betul	Salah
C.	Salah	Betul
D.	Salah	Salah

- S32
- I Penilaian ialah proses pengumpulan maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan mengenai pelajar, kurikulum dan program.
- II Pentaksiran ialah proses membuat pengadilan yang bernilai mengenai prestasi dan hasil kerja pelajar.
- S33
- I Skema pemarkahan analitik mudah dibina dan mengambil masa yang pendek untuk disiapkan.
- II Skema pemarkahan dapat mengurangkan perbezaan markah yang diberikan oleh pemeriksa yang berlainan.
- S34
- I Ujian yang mempunyai konsistensi yang tinggi mempunyai kesahan yang tinggi.
- II Pemeriksa boleh mempengaruhi konsistensi markah yang diberikan kepada pelajar.
- S35
- I Pemarkahan secara holistik lebih objektif dan ketekalannya dapat dikekalkan sekiranya pemeriksa menjalankan tugas dengan teliti.
- II Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan markah yang diberikan oleh ramai pemeriksa.

**TERBUKA**

- S36 Apakah tujuan pra ujian/kajian rintis semasa proses pembinaan soalan?
- A Semakan dan bank soalan.
  - B Meningkatkan kebolehan pelajar.
  - C Menghimpunkan soalan yang berkualiti.
  - D Memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan.
- S37 Takrifkan definisi keobjektifan dalam sesuatu ujian.
- A Kelicinan proses pengujian yang dilaksanakan
  - B Pencapaian hasil pengajaran melalui ujian yang dijalankan
  - C Ketepatan seseorang pemeriksa memberikan skor kepada calon
  - D Skor yang sama diperolehi untuk ujian yang sama
- S38 Berikut merupakan langkah-langkah bagi melaksanakan penyelarasan pemarkahan bagi peperiksaan berskala besar. Susunkan semula langkah-langkah tersebut mengikut urutan yang paling sesuai.
- I Membaiki dan menambah baik skema pemarkahan
  - II Ketua pemeriksa memeriksa kertas jawapan pelajar berdasarkan skema pemarkahan
  - III Ketua pemeriksa membuat semakan kedua terhadap kertas jawapan pelajar
  - IV Pemeriksa memeriksa jawapan pelajar berdasarkan skema
- A II, I, IV dan III
  - B II, IV, I dan III
  - C I, II, IV dan III
  - D I, II, III dan IV
- S39 Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan membuat skema pemarkahan?
- I Meningkatkan kualiti jawapan antara pelajar
  - II Meningkatkan kebolehpercayaan antara pemeriksa
  - III Sebagai panduan kepada pemeriksa untuk membuat semakan jawapan
  - IV Memindahkan kesan halo dari soalan lain ke soalan seterusnya
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

**TERBUKA**

S40 Manakah antara berikut merupakan tujuan membuat analisis item bagi sesuatu ujian yang dilaksanakan?

- I Mengenal pasti keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan
  - II Mengetahui item yang sukar bagi kumpulan pelajar yang lemah
  - III Menentukan kesesuaian item ujian dengan kumpulan yang diuji
  - IV Mengeluarkan item-item yang baik untuk bank soalan
- 
- A I sahaja
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

### BAHAGIAN B

Jawab semua soalan pada bahagian ini dalam kertas skrip jawapan yang disediakan.

S41 (a) Anda dikehendaki membina Jadual Penentu Ujian (JPU) yang lengkap bagi melaksanakan peperiksaan pertengahan semester untuk mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi. Soalan peperiksaan adalah berbentuk aneka pilihan dengan peruntukan masa menjawab selama 1 jam. Nisbah aras kesukaran adalah berdasarkan kepada keperluan kemahiran berfikir aras tinggi. Maklumat mata pelajaran terdapat pada Lampiran S41(a).

(13 Markah)

(b) Huraikan kepentingan JPU dalam proses pembinaan item.

(12 Markah)

**TERBUKA**

- S42 (a) Dengan berbantuan carta alir, huraikan dengan jelas proses-proses yang perlu dilaksanakan dalam merancang, membina dan mentadbirkan sesuatu ujian. (15 Markah)
- (b) Berdasarkan maklumat yang disediakan dalam Jadual S42(b), tentukan;

Jadual S42(b)

Pelajar	Skor Z bagi Operasi Tolak: Ujian 1	Skor T bagi Operasi Tolak: Ujian 2
Ali	-0.2	49
Ahmad	2.0	60
Intan	1.8	70
Kefli	-0.5	40
Tanti	0	50
Min	65	75
SD	6	10

- (i) Adakah Tanti mempunyai prestasi yang lebih baik dalam ujian 2 berbanding ujian 1? Buktikan. (5 markah)
- (ii) Nyatakan prestasi Intan dan Ahmad untuk kedua-dua Ujian. (5 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA

## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBB  
BBEBBF/BBG

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN  
PENILAIAN DALAM  
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

### LAMPIRAN S41(a)

#### RANCANGAN PENGAJARAN TAHUNAN BAGI MATA PELAJARAN DUNIA SAINS DAN TEKNOLOGI TAHUN 3

MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : PENGENALAN KEPADA SAINS</b>			
<b>TOPIK : 1. KEMAHIRAN SAINTIFIK</b>			
MINGGU 1	1.1 Memahami kemahiran proses sains	1.1.1 Memerhati 1.1.2 Mengelas 1.1.3 Mengukur dengan menggunakan nombor 1.1.4 Meramal 1.1.5 Membuat inferens 1.1.6 Berkomunikasi	B.TEKS MS 2 B.AKTIVITI MS
MINGGU 2	1.1 Memahami kemahiran proses sains	1.1.1 Memerhati 1.1.1 Mengelas 1.1.2 Mengukur dengan menggunakan nombor 1.1.3 Meramal 1.1.4 Membuat inferens 1.1.5 Berkomunikasi	B.TEKS MS 2 B.AKTIVITI MS
MINGGU 3	1.2 Memahami kemahiran manipulatif	1.2.1 Menggunakan dan mengendalikan peralatan dan bahan sains dengan betul 1.2.2 Mengendalikan specimen dengan betul dan selamat 1.2.3 Melakar spesimen, peralatan dan bahan sains dengan tepat 1.2.4 Membersih peralatan sains dengan cara yang betul 1.2.5 Menyimpan peralatan dan bahan sains dengan betul dan selamat	B.TEKS MS 9 B.AKTIVITI MS
MINGGU 4	1.0 Menggunakan TMK secara bertanggungjawab dan beretika  2.0 Memilih dan mengaplikasikan sumber TMK yang bersesuaian	1.1 Memastikan perkakasan komputer berfungsi dengan baik  2.1 Menyediakan teks dengan penjajaran tengah dan penjajaran penuh serta membuat senarai menggunakan <i>Bullets</i> dan <i>Numbering</i> .	B.TEKS MS12 B.AKTIVITI MS 10-12
MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : SAINS HAYAT</b>			
<b>TOPIK : 2. MANUSIA</b>			
MINGGU 5		2.1.1 Mengenalpasti jenis gigi iaitu gigi kacip, gigi taring dan gigi geraham 2.1.2 Menghubungkan jenis gigi dan fungsi	B.TEKS MS 17 B.AKTIVITI MS 13
MINGGU 6		2.1.3 Membanding dan menbezakan set gigi susu dan gigi kekal dari aspek bilangan, kekuatan dan jangka hayat	B.TEKS MS 18 B.AKTIVITI MS 14
MINGGU 7		2.1.4 Melabelkan struktur gigi iaitu enamel, dentin, saraf, salur darah dan gusi 2.1.5 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan	B.TEKS MS 19 B.AKTIVITI MS 14-16

## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBB  
BBEBBF/BBG

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN  
PENILAIAN DALAM  
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

<b>MINGGU 8</b>	1.0 Menggunakan TMK secara bertanggungjawab dan beretika 4.0 Menggunakan TMK untuk memperoleh dan berkongsi maklumat 5.0 Menggunakan TMK untuk penyelesaian masalah dan membuat keputusan	2.2 Mengamalkan langkah keselamatan siber dengan menggunakan Daftar Masuk dan Daftar Keluar keahlian sesuatu akaun e-mel. 4.1 Mengepil fail yang dikepil melalui e-mel 4.2 Membuka fail yang dikepil melalui e-mel 5.1 Menggunakan perisian aplikasi yang bersesuaian (MS Excel, MS Powerpoint atau MS Word) untuk dikepilkan melalui e-mel bagi menyelesaikan sesuatu tugas dalam penyebaran maklumat.	B.TEKS MS 21 B.AKTIVITI MS 20  B.TEKS MS 23 B.AKTIVITI MS 21-22
<b>MINGGU 9</b>	2.2 Mengamalkan penjagaan gigi	2.2.1 Mempraktikkan amalan harian terhadap kesihatan gigi daripada aspek: o Pemakanan o Penjagaan	B.TEKS MS 25 B.AKTIVITI MS 17-19
<b>MINGGU</b>	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>CATATAN</b>
<b>TEMA : SAINS HAYAT TOPIK : 3.HAIWAN</b>			
<b>MINGGU 10</b>	3.1 Memahami ciri haiwan	3.1.1 Mengenalpasti ciri haiwan iaitu o Litupan badan o Anggota badan o Cara membiak o habitat	B.TEKS MS 30 B.AKTIVITI MS 23-25
<b>MINGGU 12</b>		3.1.2 Mengelaskan haiwan berdasarkan ciri pengelasan yang dipilih	B.TEKS MS 32 B.AKTIVITI MS 26-27
<b>MINGGU 13</b>		3.1.3 Mengenalpasti ciri-ciri haiwan yang terdapat pada satu haiwan yang dipilih 3.1.4 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan	B.TEKS MS 33 B.AKTIVITI MS 28
<b>MINGGU 15</b>		2.5 Membuat animasi menggunakan objek mudah menggunakan teknik animasi slaid	B.TEKS MS 37 B.AKTIVITI MS 34
<b>MINGGU 16</b>		3.2 Memahami kegiatan haiwan	3.2.1 Menyatakan tabiat makan haiwan : herbivore, karnivor, omnivor 3.2.2 Menghubungkan kegiatan herbivore, karnivor dan omnivor dengan makanan yang dimakan 3.2.3 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan
<b>MINGGU</b>	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>CATATAN</b>
<b>TEMA : SAINS HAYAT TOPIK : 4. TUMBUHAN</b>			
<b>MINGGU 17</b>	4.1 Memahami ciri tumbuhan	5.1.1 Mengenalpasti ciri tumbuhan o Daun o Bunga o Buah o Batang	B.TEKS MS 46 B.AKTIVITI MS 35

## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD  
BBEBBF/BBG

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN  
PENILAIAN DALAM  
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

		<ul style="list-style-type: none"> <li>o Akar</li> <li>o Habitat</li> <li>o Cara membiak</li> </ul>	B.TEKS MS 48 B.AKTIVITI MS 36-37
MINGGU 18		5.1.2 Mengelaskan tumbuhan berdasarkan ciri pengelasan yang dipilih 5.1.3 Mengenalpasti ciri-ciri yang terdapat pada satu tumbuhan yang dipilih 5.1.4 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan	B.TEKS MS 50 B.AKTIVITI MS 38 B.TEKS MS 51 B.AKTIVITI MS 39
MINGGU 19		4.1.4 Menyatakan kepentingan tumbuhan kepada manusia dan haiwan	B.TEKS MS 52 B.AKTIVITI MS 40
MINGGU 20	2.0 Memilih dan mengaplikasikan sumber TMK yang bersesuaian	2.6 Membentuk jadual 2 lajur x 3 baris dengan memasukkan teks dan nombor berpandukan sel yang diberikan	B.TEKS MS 54 B.AKTIVITI MS 41-42
MINGGU 21	3.0 Menggunakan TMK untuk mencari, mengumpul, memproses dan menggunakan maklumat.	3.1 Menggunakan fungsi Autosum untuk menjumlah secara automatik dalam hampan elektronik (MS Excel)	B.TEKS MS 56 B.AKTIVITI MS 43-44
<b>PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER CUTI PERTENGAHAN TAHUN</b>			
MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : SAINS FIZIKAL TOPIK : 5. MAGNET</b>			
MINGGU 24		5.1.1 Mengenal pasti bentuk magnet seperti magnet bar, silinder, ladam, bentuk U, butang dan cincin 5.1.2 Mengitlak tindakan magnet ke atas pelbagai objek dengan menjalankan penyiasatan 5.1.3 Mengelas objek berdasarkan tindakan magnet ke atasnya 5.1.4 Menyatakan bahan yang diperbuat daripada besi adalah bahan magnet	B.TEKS MS 61 B.AKTIVITI MS 45-46 MS 47-48
MINGGU 25	5.1 Menganalisis pengetahuan tentang tindakan magnet	5.1.5 Mengitlak kekuatan magnet dengan menjalankan aktiviti menggunakan magnet pelbagai saiz 5.1.6 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan	B.TEKS MS 64 B.AKTIVITI MS 49
MINGGU 26		5.1.7 Membuat kesimpulan tentang daya tarikan dan tolakan kutub magnet dengan menjalankan aktiviti	B.TEKS MS 65 B.AKTIVITI MS 50
MINGGU 27	5.2 Mereka cipta objek berasaskan penggunaan magnet	5.2.1 Memberi contoh kegunaan magnet dalam kehidupan	B.TEKS MS 68 B.AKTIVITI MS 51-52



## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBB  
BBEBBF/BBG

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN  
PENILAIAN DALAM  
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : SAINS BAHAN</b>			
<b>TOPIK : 6. PENYERAPAN</b>			
<b>MINGGU 28</b>	6.1 Menganalisis pengetahuan tentang keupayaan bahan menyerap air	6.1.1 Mengenal pasti objek yang boleh menyerap air dan kalis air dengan menjalankan aktiviti	B.TEKS MS 75 B.AKTIVITI MS 53-54
<b>MINGGU 29</b>		6.1.6 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan.	
<b>MINGGU 30</b>		6.1.2 Mengenal pasti bahan yang boleh menyerap air dan kalis air dengan menjalankan aktiviti.	B.TEKS MS 77 B.AKTIVITI MS 55
		6.1.3 Mengelas bahan yang boleh menyerap air dan kalis air dengan menjalankan aktiviti	
		6.1.4 Membuat urutan jenis bahan mengikut keupayaan menyerap air dengan menjalankan penyiasatan	
	6.1.5 Menaakul kepentingan bahan yang boleh menyerap air dan bahan kalis air dalam kehidupan	B.TEKS MS 79 B.AKTIVITI MS 56 B.TEKS MS 80 B.AKTIVITI MS 57	
MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : BUMI DAN SAINS ANGKASA</b>			
<b>TOPIK : 7. TANAH</b>			
<b>MINGGU 31</b>	7.1 Menganalisis kandungan tanah	7.1.1 Mengenalpasti kandungan yang terdapat di dalam beberapa jenis tanah seperti tanah liat, tanah pasir dan tanah kebun dengan cara menjalankan penyiasatan	B.TEKS MS 84 B.AKTIVITI MS 58-59
<b>MINGGU 32</b>			
MINGGU	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<b>TEMA : TEKNOLOGI DAN KEHIDUPAN LESTARI</b>			
<b>TOPIK : 8. ASAS TEKNOLOGI</b>			
<b>MINGGU 36</b>	8.1 Memasang dan membuka set binaan berfungsi secara mekanikal berpandukan manual yang mempunyai konsep asas mesin ringkas	8.1.1 Memilih set binaan berfungsi yang hendak dibina	B.T MS 99 B.A MS 67 B.T MS 100 B.A MS 68 B.T MS 103 B.A MS 69-70 B.T MS 104 B.A MS 71
<b>MINGGU 38</b>		8.1.2 Membaca dan menerangkan manual	
		8.1.3 Mengenalpasti komponen model berpandukan manual	
		8.1.5 Mengenalpasti sistem pergerakan model seperti motor, gear, gegancu, takal dan roda	
		8.1.6 Memilih komponen model berpandukan manual bergambar	
<b>MINGGU 39</b>		8.1.7 Melakarkan hasil binaan menggunakan bentuk asas	
	8.1.4 Mengenalpasti sistem pergerakan model		
<b>MINGGU 40</b>	5.2 Mereka cipta objek berasaskan penggunaan magnet	8.1.8 Menceritakan hasil binaan secara lisan	
		8.1.9 Membuka hasil binaan mengikut urutan	
	8.1.10 Menyimpan komponen model yang telah dibuka ke bekas penyimpanan	B.TEKS MS 109 B.AKTIVITI MS 72	
		5.2.1 Mencipta objek berasaskan penggunaan magnet	B.TEKS MS 70
		5.2.2 Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan	

TERBUKA

## PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD  
BBEBBF/BBG

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN  
PENILAIAN DALAM  
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

<b>MINGGU 41</b>	6.2	Mereka cipta objek berdasarkan kebolehan menyerap air	6.2.1 6.2.2	Mencipta objek dengan menggunakan bahan yang menyerap atau kalis air Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan	B.TEKS MS 81
<b>MINGGU 42</b>	ULANGKAJI / PENILAIAN				
<b>MINGGU 43</b>	ULANGKAJI / PENILAIAN				

**TERBUKA**